

Melaka hantar tiga pegawai ke Perancis kaji aspek penting

BH - 09/07/2007

MELAKA: Kerajaan negeri akan menghantar tiga pegawai kanannya ke Paris, Perancis Ogos ini bagi mengkaji apa yang perlu dilakukannya sebelum diisytihar negeri maju, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Beliau berkata, penghantaran pegawai kanan itu susulan lawatan kerja dan ekonomi yang diketuai Yang Dipertua Negeri Melaka, Tun Khalil Yaakob bersamanya pertengahan Jun lalu.

"Dalam rombongan itu, saya terpegun melihat kepesatan kemajuan Paris dan kita ingin mempelajarinya memandangkan tempoh tiga tahun menjadikan Melaka negeri maju menjelang 2010 adalah tempoh yang singkat.

"Kita perlu bertindak pantas dari sekarang dan bukannya menunggu," katanya ketika ditemui semalam.

Beliau berkata, rombongan pegawai kanan kerajaan negeri itu memabitkan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Ismail Salleh; Pegawai Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) dan bahagian pembangunan negeri.

Mohd Ali berkata, ketika di sana, mereka akan mengkaji aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar yang menjadi komponen penting sesebuah negara diisytiharkan sebagai negara maju.

"Sebelum sesebuah negara itu diisytihar negara maju, negeri di dalamnya harus maju terlebih dulu.

Itulah yang dilakukan Paris yang maju lebih 10 tahun lebih awal daripada Perancis.

"Kita memilih Paris kerana ia paling maju di Eropah, terkenal dan sentiasa dikunjungi orang ramai. Aspek sosialnya sangat menarik hingga bandar raya berkenaan menjadi pilihan untuk menganjurkan pelbagai festival.

"Turut dikaji komponen alam sekitar memandangkan kita berusaha menjadikan Sungai Melaka produk pelancongan baru. Maklumat sebegini penting untuk dipraktikkan di Melaka memandangkan Malaysia menuju ke arah negara maju menjelang 2020," katanya.



Mohd Ali Rustam